

23/01/2002

Bakti rai 400 kanak-kanak istimewa di Seri Perdana

PUTRAJAYA, Selasa - Seramai 400 kanak-kanak istimewa dari 15 rumah kebajikan kanak-kanak diraikan Badan Kebajikan Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) pada satu majlis di pekarangan Kompleks Seri Perdana di sini petang ini.

Majlis Hari Kanak-Kanak Bakti 2002 itu diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang ditemani isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Kanak-kanak terbabit yang ditemani penjaga rumah kebajikan masing-masing serta hadirin, dihidangkan pelbagai makanan dan minuman selain persembahan hiburan.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyampaikan hadiah, termasuk peralatan sekolah sumbangan beberapa badan korporat kepada kanak-kanak berkenaan.

Dalam ucapannya, Dr Siti Hasmah yang juga Yang Dipertua Bakti, mengajak hadirin bersyukur serta tidak melupakan nikmat keamanan dan keharmonian yang dikurniakan Allah kepada rakyat berbilang kaum di negara ini.

(END)